



# PENGAMAN



MAJALAH POLIS DIRAJA MALAYSIA

BIL. 1/2015

[www.rmp.gov.my](http://www.rmp.gov.my)

## Menarik di dalam :

Pengenalan Kepada Konsep  
*Maqasid Al-Syari'ah*  
(Objektif Undang-Undang Islam)


ms 61

An Islamic Analysis on the  
Justification of Abortion  
Due to Non-Consensual Sexual  
Violation

ms 83

Consent to Sexual Intercourse  
by the Non-Disclosure of  
Material Facts

ms 95



ISSN 2232-5330



772232 130004

# *Sidang Kedaksi*

**Ketua Editor**  
ACP Datin Asmawati Ahmad


**Editor**  
Supt Venugopal Navaretnam

**Penolong Editor**  
DSP Arshad Mat  
Y. Brs. Prof. Dr. Mohamad Ismail Mohamad Yunus (Perundangan)  
ASP Aruwan Md Amilah  
ASP Mohd Zaki Abu Bakar  
ASP Mohd Nizam Hj. Jamaluddin

**Staf Penerbitan**  
SM Zakaria Muhammad  
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din  
Kpl. Aslam Syir Khan Fairuz Khan  
Kpl. Mohd Azahar Ahmad Suhaimi  
L/Kpl. Mohd Iqbal Nasruddin  
L/Kpl. Shazril Abd. Rashid  
L/Kpl. Sathish Menon Silvaraman  
Pn Shimatul Aida Maamor

**Alamat Surat-menjurat**  
Unit Penerbitan & Publisiti  
Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman 50560  
Kuala Lumpur

Tel: 03-2266 8325/8329/8331/8326  
Faks: 03-2266 8330



Pengenalan Kepada Konsep  
***MAQASID AL-SYARI'AH***

(Objektif Undang-Undang Islam)

Oleh: Dr. Hj. Mohamad Ismail bin Mohamad Yunus  
 Timbalan Dekan (HEP)  
 Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim  
 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
 ismailmy@uium.edu.my

### Abstrak

Maqasid Al-Syari'ah merupakan satu bidang ilmu khusus mengenai kajian terhadap matlamat atau tujuan pensyariatan hukum-hakam dalam ajaran agama Islam. Untuk memahami dengan lebih jelas peranan Maqasid Al-Syari'ah dalam pensyariatan hukum Islam, maka artikel ini diterbitkan bertujuan untuk menganalisis skop pensyariatan hukum Islam menurut kacamata Al-Quran dan As-Sunnah.

### 1.PENGENALAN

Hukum Islam yang disyariatkan oleh Allah SWT ke atas manusia menerusi Al-Quran dan As-Sunnah mempunyai matlamat atau objektif utama untuk merealisasikan kebaikan dan *maslahah* bagi manusia, mengekalkan kehadiran dan kewujudan *maslahah* (kesulitan dan kepayahan) tersebut dan menghindarkan segala bentuk kemudaratan dari kehidupan mereka di dunia dan akhirat. Segala kebaikan dan *maslahah* yang terdapat dalam syariat Islam, apabila diamalkan dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT.

akan mendatangkan kesejahteraan hidup yang sebenar di dalam kehidupan manusia. Ini dapat difahami dengan jelas melalui firman Allah SWT:

*"Dan sesiapa yang bermujahadah (yakni bersungguh-sungguh melaksanakan hukum-hukum agama), maka sesungguhnya mujahadahnya itu hanyalah untuk (faedah dan manfaat) dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam yang dicipta-Nya (tidak berhajatkan sesuatu pun)."*


Surah al-Ankabut (20:6)

Berdasarkan kepada prinsip menjamin kebaikan bagi umat manusia dan menjauhkan keburukan daripada mereka yang terkandung dalam pensyariatan hukum Islam itu, maka para ulama telah mengembangkan prinsip-prinsip tersebut menjadi teori *Maqasid Al-Syari'ah* sebagai satu doktrin yang lengkap (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2012).

## 2. SKOP PENSYARIATAN HUKUM ISLAM MENURUT PERSPEKTIF *MAQASID AL-SYARI'AH*

### 2.1 Definisi *Maqasid Al-Syari'ah* Dan Kepentingannya Dalam Menentukan Hukum

*Maqasid* adalah kalimah bahasa Arab yang merupakan kata jamak kepada perkataan *maqsad* yang bererti tujuan, maksud, matlamat dan objektif. Imam Ahmad Al-Raisuni mendefinisikan *Maqasid* sebagai matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu (Mohamad Ismail Mohd Yunus, 2011). *Al-Syari'ah* pula dari aspek istilah bermaksud hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah SWT ke atas hamba-Nya supaya mereka beriman dan beramal dengannya agar membawa kepada kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Hukum-hakam tersebut telah ditetapkan, dijelaskan dan diturunkan oleh Allah SWT, kepada Rasulullah SAW untuk umat manusia yang berkaitan dengan aqidah, ibadah, akhlak atau yang berhubung dengan undang-undang umum seperti masalah-masalah sivil, jenayah, keluarga, sosial, antarabangsa, pemerintahan, ekonomi dan lain-lain (Abd Jalil Borham, 2002). Maka, gabungan



Surau Maktab Polis Diraja Malaysia Cheras



Gambar Hiasan

kedua-dua perkataan tersebut iaitu *Maqasid Al-Syari'ah* dalam pengertian umumnya disebut Objektif Syari'ah atau Objektif Hukum-Hukum Islam.

*Maqasid Al-Syari'ah*, menurut pendapat Wahbah al-Zuhayli, ialah tujuan dan rahsia-rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum yang telah disyariatkan iaitu untuk mendatangkan kebahagiaan kepada individu dan masyarakat, memelihara undang-undang dan seterusnya untuk memakmurkan dunia sehingga mencapai ahap kesempurnaan, kebaikan, kemajuan dan ketamadunan yang tinggi (Mohamad Akram Laldin, 2012).

Berdasarkan kepada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *Maqasid Al-Syari'ah* merupakan matlamat atau ujuan yang hendak dicapai di sebalik pensyiaran sesuatu hukum syarak terhadap manusia sama ada umum atau khusus. Matlamat tersebut ialah mencapai kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Manakala cara untuk mencapai kemaslahatan tersebut ialah dengan mengambil kira kepentingan lima perkara yang menjadi asas dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Secara umumnya kaedah *Maqasid Al-Syari'ah* ini digunakan dalam menentukan hukum atau menilai sesuatu hukum oleh para fuqaha dalam permasalahan kontemporari melalui metode penganalisaan hukum di bawah konsep al-Maslahah, al-Qiyas, al-Istisban dan sebagainya. Mazhab Maliki misalnya, mengambil pendekatan *Maqasid Al-Syari'ah* sebagai metode penganalisaan hukum menerusi kaedah Al-Maslahah Al-Mursalah (Kepentingan Awam), sementara Mazhab Al-Syafie mengaplikasikannya sebagai sebahagian daripada metode al-Qiyas (Perbandingan).

Dalam mazhab-mazhab lain pula, ia merupakan sebahagian daripada metode analisis tertentu. Metode analisis hukum bersandarkan konsep *Maqasid Al-Syari'ah* sangat berkesan dalam memberikan sifat kontemporari kepada hukum yang difatwakan, cuma cara penggunaannya dalam mana-mana penyelidikan hukum agak berbeza sama ada digunakan secara meluas dan liberal sebagaimana dalam Mazhab Maliki atau agak konservatif dan lebih bersikap berhati-hati seperti yang diamalkan oleh para fuqaha Mazhab Al-Syafie (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2010). Sehubungan dengan ini, Al-Qardhawi



Gambar Hiasan

menegaskan ijtihad kontemporari atau diertikan sebagai penyelidikan hukum Islam berdasarkan nilai dan realiti hidup semasa sangat diperlukan kini.

## 2.2 OBJEKTIF ATAU TUJUAN SYARIAT ISLAM


Sebagaimana yang telah dijelaskan, objektif utama yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum Islam ialah menarik kebaikan dan menolak keburukan. Allah SWT menetapkan semua hukum ke atas hamba-Nya berdasarkan hikmah-hikmah tertentu yang merealisasikan kebaikan untuk umat manusia dan mengelakkan keburukan daripada mereka. Para ulama sentiasa menegaskan bahawa tiada suatu hukum pun yang disyariatkan oleh Allah SWT melainkan di dalamnya terdapat unsur-unsur *maslahah* dan elemen kebaikan yang akan kembali kepada pengamalnya. Allah SWT sebagai *al-Musyari'* iaitu Pensyariat atau Pengubal undang-undang, tidak mensyariatkan sesuatu undang-undang itu secara sia-sia, bahkan semua yang dilakukan-Nya penuh hikmah dan kebijaksanaan untuk kebaikan para hamba-Nya

sebagaimana firman-Nya dalam ayat Al-Quran berikut:


*"(Mereka berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka."*

Surah 'Ali 'Imran (3:191)

Imam al-Syatibi turut menjelaskan bahawa tujuan akhir sesuatu hukum menurut konsep *Maqasid Al-Syari'ah* hanyalah satu, iaitu *maslahah* atau kebaikan dan kesejahteraan umat manusia (Mohamad Ismail Mohd Yunus, 2011). Perkara ini berhubungkait dengan konsep pembinaan hukum Islam yang secara jelas dan nyata tidak menyusahkan dan tidak menyulitkan manusia, bahkan ia selari dengan matlamat daripada *tasy'ah* (perundangan) itu sendiri yang bukannya menampakkan kesusahan dan kepayahan kepada manusia, tekanan dan paksaan dengan tanggungjawab tetapi membawa kemasyhahatan-kemaslahatan hidup mereka di dunia dan di akhirat sesuai dengan kemampuan dan batas-batas fitrah mereka. Allah SWT tidak membebankan manusia di luar kemampuan mereka dan tidak membebangkan mereka dengan tanggungjawab di luar jangkauan mereka. Dengan alasan ini, manusia tidak mempunyai alasan untuk tidak mengerjakan perintah syarak atau untuk meninggalkan larangannya (Abd. Jalil Borham, 2002). Semuanya ini telah dibentangkan dan dijelaskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran sebagai bukti bahawa prinsip bertimbang rasa yang dibawa oleh Islam tidak membebangkan manusia di luar batas



Gambar Hiasan



Masjid Kristal, Terengganu

emampuan mereka sebagaimana firman Allah SWT ang bermaksud:

*"(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran."*

Surah Al-Baqarah (2:185)


*"Dan sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan."*

Surah Al-Hajj (22:78)

*"Allah tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya."*

Surah Al-Baqarah (2:286)

Wahbah al-Zuhayli (1999) menjelaskan bahawa mengetahui dan mengenalpasti objektif-objektif dan rahsia-rahsia yang terkandung dan tersirat di dalam hukum-hukum Islam adalah amat penting dan tidak boleh dikesampingkan, sama ada bagi seorang muslim biasa atau seorang *mujtahid*. Bagi seorang muslim biasa (orang awam), objektif-objektif syariat ini akan menyingkapkan kepadanya pelbagai hikmah dan tujuan yang tersirat di dalam hukum-hakam Islam yang pelbagai itu. Secara tidak langsung, situasi sedemikian akan menimbulkan dorongan dalaman yang kuat untuk sentiasa mengamalkan syariat Islam dengan ikhlas dan istiqamah tanpa sebarang keterpaksaan, bahkan tidak timbul perasaan syak dan keraguan mengenai kebaikan-kebaikan yang terdapat di dalam semua hukum-hakam yang diperundangkan oleh Allah SWT kepada manusia itu.



Gambar Hiasan

Namun bagi *mujtahid* atau pengkaji hukum kontemporari penguasaan ilmu *Maqasid Al-Syari'ah* amatlah perlu sebagai pendekatan dalam menangani dan mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang berkait dengan realiti hidup semasa. Seorang *mujtahid* perlu memiliki pengetahuan dan pemahaman yang jelas tentang konsep *Maqasid Al-Syari'ah* dalam proses mensabitkan hukum apabila mengadakan peruntukan undang-undang baru sebagai penyelesaian kepada permasalahan baru yang tidak boleh diselesaikan melalui hukum Islam yang sedia ada kerana ketiadaan nas secara jelas dari Al-Quran dan As-Sunnah atau ijmak para ulama. Seorang *mujtahid* itu harus mengetahui segala rahsia penetapan syariat dan matlamat-matlamat umumnya yang menjadi maksud 'Pembuat Syariat' dalam menetapkan hukum-hukum yang pelbagai. Tujuannya, agar ia mampu memahami nas-nas, menafsirkannya dengan benar dan menyimpulkan hukum-hakam dengan tepat sesuai dengan arahan tujuan-tujuan umum tersebut (Abdul Karim Zaidan, 2013). Ini kerana, menurut al-Zuhayli (1999), objektif-objektif syari'ah ini adalah umpama 'penunjuk arah'

dan 'pembimbing jalan' yang akan membantu seorang *mujtahid* itu di dalam menetapkan hukum-hukum baru yang belum pernah difatwakan. Bagi mempastikan hukum-hukum yang bakal ditetapkan itu tidak tersasar daripada ruh, falsafah dan hikmah syariat Islam, maka seorang *mujtahid* itu perlu mempastikan hukum-hukum yang ditetapkan itu dapat merealisasikan salah satu atau kesemua *maslahah-maslahah* muktabar yang ingin dicapai oleh syariat Islam atau memastikan hukum yang ditetapkan itu tidak menafikan mana-mana *maslahah* tersebut.

Melalui kaedah *Maqasid Al-Syari'ah* sebagai penentu hukum yang mengambil kira *maslahah* yang hendak dicapai oleh Syariat Islam, hukum yang baik dan berfaedah dan tidak memudaratkan selaras dengan nilai-nilai dan corak hidup semasa, untuk kepentingan individu dan masyarakat dalam penghidupan, dapat dikeluarkan. *Maslahah* yang ingin dicapai di sini ialah *maslahah* yang bersifat umum dan bertunjangkan neraca atau petunjuk syarak, bukannya yang khusus untuk kepentingan peribadi atau golongan tertentu



Gambar Hiasan

yang berdasarkan dorongan hawa nafsu manusia yang berbagai-bagai (Abdul Karim Zaidan, 2013). Berasaskan kepada hakikat bahawa objektif syariat Islam diturunkan ialah untuk menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan, maka apa saja hukum yang tidak mendukung objektif sedemikian atau tidak selari dengan kehendak syarak dianggap tidak sah dan tidak harus difatwakan (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2010).

### **2.3 KONSEP MASLAHAH DAN MAFSADAH**

Menurut pengertian bahasa *maslahah* membawa maksud manfaat, manakala dari sudut pengertian istilah, ulama *usul fiqh* mendefinisikannya sebagai mengambil manfaat dan penolakan bahanaya. Imam Al-Ghazali merupakan ulama *usul* yang pertama mendefinisikan *maslahah*, walaupun ketika itu beliau tidak menggunakan istilah *maslahah*, sebaliknya nemakai istilah *istislah*. Menurut pandangan beliau, *maslahah* didefinisikan sebagai suatu pernyataan berhadap pencapaian manfaat dan penolakan emudaratan (*mafsadah*). Pencapaian manfaat dan penolakan kemudaratan yang dimaksudkan oleh beliau ialah bertujuan untuk memelihara dan memastabatkan objektif syariah dengan menjaga

kepentingan lima perkara (*al-Daruriyyat al-Khams*) iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, dan bukannya untuk memenuhi kehendak dan tujuan manusia. Menurut beliau, setiap yang menjamin kelangsungan lima perkara ini dikira sebagai *maslahah*, dan setiap yang mengancamnya dikira sebagai *mafsadah*. Manakala pencegahan dan penolakan pula dianggap *maslahah* (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2012).

Antara perkara asas dalam konsep *maslahah* dan *mafsadah* yang berkait dengan kehidupan manusia



Gambar Hiasan



Gambar Hiasan

ialah kedua-duanya itu tidak terlepas daripada jangkauan syari'ah. Semua ulama usul berpendapat *maslahah hakiki* adalah sejajar dengan kehendak syarak, begitu juga halnya dengan *mafsadah*, kerana kedua-dua konsep itu ada dalam setiap hukum yang disyariatkan.

## 2.4 KATEGORI MASLAHAH

Pensyiaratan hukum Islam adalah untuk memelihara kemaslahatan manusia dengan mencukupkan keperluan-keperluan asas (*daruriyyat*), melengkapi keperluan (*hajjiyat*) dan menjamin kesempurnaan keperluan (*tahsiniyyat*). Kesemuanya bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia iaitu untuk menjamin kelancaran hidup manusia di dunia dengan manhaj yang baik. Justeru, pembahagian *maslahah* kepada tiga kategori ini adalah berdasarkan kepada tahap kepentingan *maslahah* atau tahap *maslahah* yang perlu dipelihara mengikut peringkat keutamaannya.


### 2.4.1 *Al-Daruriyyat*

*Daruriyyat* bermaksud sesuatu yang sangat diperlukan dalam kehidupan manusia sehingga sampai ke tahap terdesak, terpaksa dan tidak dapat dielakkan. Dalam erti kata lain, segala yang tertegak di atasnya kehidupan manusia dan ia mestilah untuk memudahkan kemaslahatan mereka. Maka apabila perkara tersebut hilang daripada kehidupan, akan

tergandalah sistem kehidupan dan berlakulah kerosakan-kerosakan. Perkara-perkara daruriyyat melibatkan pemeliharaan lima perkara, iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, memelihara tiap satu daripada lima perkara tersebut adalah naluri manusia.

#### *Al-Daruriyyat Al-Khams:*

- i. **Agama** - Untuk memelihara agama, Islam mengharamkan semua perkara yang boleh mengancam agama seperti kufur, syirik, nifak, riddah dan sebagainya.
- ii. **Jiwa atau Nyawa** - Untuk memelihara jiwa, Islam mengharamkan semua perbuatan yang boleh mengancam diri, nyawa seseorang sama ada diri sendiri atau orang lain.
- iii. **Akal** - Untuk memelihara akal, Islam mengharamkan segala tindakan yang boleh mengancam akal seseorang. Bahayanya kerana boleh memudaratkan diri sendiri dan orang lain seperti meminum dan menjual arak, dadah, pil khayal dan sebagainya.
- iv. **Keturunan** - Untuk memelihara keturunan, Islam mengharamkan setiap perkara yang boleh memudaratkan keturunan sama ada secara langsung atau pun tidak langsung seperti zina dan sebagainya.



Gambar Hiasan

- ✓ **Harta** - Untuk memelihara harta, Islam mengharamkan semua perbuatan yang boleh memudaratkan, memusnahkan atau mensiasakan harta seperti rasuah, merompak, mencuri, membazir dan seumpamanya.

#### **1.4.2 Al-Hajiyyat**

*Hajiyyat* ialah perkara yang berkaitan dengan keperluan umum dalam kehidupan manusia tetapi tidaklah sampai ke tahap *darurah*, pentingnya keperluan itu untuk mengelakkan daripada kesusahan dan kesempitan. Sekiranya perkara ini tidak ada, tidaklah sampai tergenda kehidupan dan erosakan sebagaimana perkara *daruri* dan tidak pula ditimpa kesusahan dan kesulitan. Sungguhpun demikian keadaannya, *hajiyyat* sebenarnya merupakan pelengkap kepada *daruriyyat*. Antara contoh *hajiyyat* ialah hukum-hakam jual-beli dan rawan, *maslahahnya* untuk memudahkan manusia mendapat keperluan hidup.

#### **1.4.3 Al-Tahsiniyyat**

*Tahsiniyyat* ialah keperluan bagi mengekalkan emuliaan akhlak dan moral manusia supaya kehidupan berjalan dengan baik. Sekiranya perkara ini tidak ada, maka aturan hidup tidaklah sampai tergenda sebagaimana yang *daruri* dan tidak pula mendatangkan kesusahan dan kesulitan sebagaimana

perkara *hajiyyat*, namun hidup mereka tidak bahagia dan tidak selesa mengikut perkiraan akal yang sihat dan fitrah yang bersih. Contohnya, memakai pakaian atau minyak wangi yang berjenama, makan di restoran mewah, menggunakan penghawa dingin di masjid dan surau.

### **3. CONTOH PENSYARIATAN HUKUM ISLAM MENURUT PERSPEKTIF MAQASID AL-SYARI'AH**

*Maqasid Al-Syari'ah* dalam pengertian yang mudah difahami ialah ilmu yang memberi jawapan kepada pertanyaan 'mengapa' atau 'kenapa' di sebalik pensyariatan. *Maqasid Al-Syari'ah* yang menjelaskan rahsia dan hikmah di sebalik pensyariatan setiap suruhan dan larangan Allah SWT.

#### **3.1 LARANGAN MEMINUM ARAK**

Larangan meminum arak adalah untuk memelihara akal. Hal ini dijelaskan melalui firman Allah SWT:

*Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Ketahuilah bahawa minum arak, judi, memuja berhala-berhala dan meramal nasib dengan azlam, adalah amalan-amalan kotor dari perbuatan syaitan. Kerana itu hendaklah kamu jauhi supaya kamu beroleh kemenangan"*

Surah al-Maidah (5:90-91)

Berdasarkan ayat di atas, ulama bersepakat mengharamkan arak disebabkan ia memabukkan dan boleh membawa kerosakan dalam masyarakat. Oleh kerana arak itu diharamkan meminumnya, maka segala aktiviti atau sesiapa saja yang bersangkutan dengan arak dikira berdosa juga seperti penjual, pemerahanya dan lain-lain. Arak, menurut pandangan jumhur ulama, ialah segala bentuk atau jenis minuman yang boleh menyebabkan hilang kewarasan akal tidak kira apa sumber atau namanya. Sumbernya daripada perahan anggur, kurma, tapai atau beras dan lain-lain, dan diberi nama *khamar*, arak, wiski, bir, wain dan yang seumpamanya. Apa yang penting ia memabukkan sama ada meminumnya sedikit atau banyak. Tentang arak telah dijelaskan oleh Nabi SAW dalam hadis-hadis berikut yang bermaksud:

"Setiap yang memabukkan itu arak, dan setiap yang memabukkan adalah haram."

(Riwayat Muslim)

"Rasulullah SAW menegah semua minuman yang memabukkan dan yang melemahkan fikiran."

(Riwayat Abu Dawud)

Arak merupakan jenayah dan dosa besar sebagaimana firman Allah SWT;

"Mereka bertanya kepada-mu (wahai Muhammad) tentang arak dan judi. Katakanlah: 'Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya'.

Surah al-Baqarah (2:219)

Dari sudut Maqasid Al-Syari'ah, perbuatan memabukkan disebabkan meminum arak menimbulkan kemudaratan (*mafsadah*) pada diri sendiri dan orang lain, oleh itu ia wajib ditegah dan dicegah. Allah SWT mengharamkan arak kerana ada hikmah tertentu di sebalik pengharamannya. Arak diharamkan kerana bahaya atau kemudaratannya kepada moral, akidah, akal dan kekayaan manusia. Antara hikmah ke atas larangan meminum arak ialah:

- i. Allah SWT mengharamkan meminum arak serta segala jenis minuman yang memabukkan kerana ia boleh menyebabkan berlakunya pencemaran kewarasan akal fikiran manusia. Akal merupakan anugerah istimewa yang wajib dipelihara dan disyukuri kerana menerusi akal yang waras telah mengangkat kedudukan dan keistimewaan manusia berbanding makhluk-makhluk lain. Akal berupaya menimbangkan kebaikan dan keburukan secara relatif.
- ii. Minum arak adalah dosa kemasyarakatan dan individu. Apabila hilang kewarasan akal, manusia boleh bertindak di luar kawalan dan jangkaan. Arak boleh membakar kegiatan-kegiatan mungkar dan maksiat dan juga mendatangkan penyakit yang berbahaya. Ia boleh merosakkan kehidupan berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat.
- iii. Pembaziran harta. Meminum minuman keras menyebabkan ketagihan. Orang yang ketagih arak akan membelanjakan wang yang banyak untuk membeli arak, walaupun mahal ia tetap membelinya. Membelanjakan wang kepada perkara-perkara yang sia-sia tanpa suatu faedah dikira membazir.
- iv. Dari sudut agama, ia menghilangkan keimanan. Orang yang berada dalam keadaan mabuk tidak



Gambar Hiasan



Gambar Hiasan

mungkin dapat mengerjakan ibadah dengan betul dan sempurna.

### 3.2 PENGHARAMAN ZINA

Pengharaman zina bertujuan untuk memelihara keturunan. Banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi SAW menjadi dalil kepada pengharaman zina, antaranya firman Allah SWT,

*"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman."*

Surah Al-Nur (24:2)

*"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu*

*perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kepada kerosakan)."*

Surah Al-Israa' (17: 32)

Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:

*"Tiga jenis orang yang Allah tidak mengajak berbicara pada hari kiamat, tidak mensucikan mereka, tidak melihat kepada mereka, dan bagi mereka azab yang pedih, iaitu orang yang berzina, penguasa yang berdusta dan orang miskin dan sompong."*

(Riwayat Muslim)

Antara hikmah pengharaman zina ialah :


- i. Untuk menjaga nasab dan kesucian keturunan supaya tidak bercampur-baur dengan zuriat daripada keturunan lain dan juga untuk mengelakkan daripada pergaulan antara yang bukan mahram dalam keluarga.



Gambar Hiasan

- ii. Zina boleh menjatuhkan maruah dan kehormatan diri dan keluarga, di samping pengotoran masyarakat dengan keaiban.
- iii. Zina adalah punca keruntuhan moral yang parah dalam masyarakat. Anak-anak yang tidak berdosa dibunuh dan dibuang untuk menutup perlakuan maksiat. Anak-anak yang tidak berdosa hidup terlantar sebagai anak pungut tanpa mengetahui siapa ibu dan bapanya mereka yang sebenar.
- iv. Untuk menghalang daripada berlakunya pergaduhan dan permusuhan di kalangan masyarakat kerana zina boleh menyebabkan pergaduhan suami isteri dan ahli keluarga hingga membawa kepada kermusnahan rumah tangga.
- v. Untuk mengawal daripada menularnya penyakit merbahaya yang disebabkan seks bebas seperti sifilis, HIV dan AIDS. Justeru, Allah SWT mengharamkan zina kerana kesannya yang serius dan bahayanya yang besar yang boleh membinasakan kehidupan individu dan masyarakat, menghancurkan bangsa dan menganiayakan anak-anak yang tidak berdosa


yang merealisasikan kemaslahatan dan menghindari segala bentuk kemudaratannya daripada mereka. Segala hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT merupakan rahmat untuk manusia kerana di dalamnya terkandung unsur-unsur *maslahah* dan elemen kebaikan yang akan kembali kepada pengamalnya. *Maslahah* yang hendak dicapai oleh perundangan Islam ialah *maslahah* yang bersifat umum dan bertunjangan neraca syarak, bukan khusus untuk kepentingan individu tertentu. Pencapaian *maslahah* tersebut



Gambar Hiasan


adalah dengan mengambil kira kepentingan lima perkara asas dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta demi menjamin kelancaran hidup manusia di muka bumi ini.

Tidak dinafikan bahawa sifat dinamik dan progresif yang ada pada syariat Islam mampu menyelesaikan pelbagai permasalahan dan persoalan serta memecahkan segala macam kebuntuan dalam kehidupan manusia sejak dahulu, kini dan hingga ke akhir zaman. Setiap zaman yang beredar menyaksikan peruntukan hukum-hukum baru. Dalam situasi kini di mana timbul keperluan menangani berbagai-bagai isu kontemporari, maka proses *ijtihad* untuk mengeluarkan hukum merupakan satu proses berspadu yang melibatkan penelitian semua dalil-dalil syarak termasuk *Maqasid Al-Syari'ah*. Dalam konteks ini peranan *Maqasid Al-Syari'ah* adalah sangat penting dan tidak boleh dikecualikan kerana penyelesaian hukum mestilah berasaskan kepada realiti hidup semasa, di mana kemaslahatan dalam kehidupan manusia sentiasa berubah-ubah seiring dengan perkembangan zaman dan juga perubahan masa dan tempat. Sekiranya kaedah penetapan hukum hanya berpandukan kepada dalil syarak yang ada tanpa mengambil kira pendekatan *Maqasid*



Gambarnya Masjid

*Al-Syari'ah*, maka sudah tentu kemaslahatan tidak dapat dicapai disebabkan banyak permasalahan hidup manusia tidak dapat diselesaikan berikutan ketiadaan hukum yang relevan dengan situasi semasa



**RUJUKAN**

- Abd. Jalil Borham. 2002. Pengantar Perundangan Islam. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Karim Zaidan. 2013. Kaedah Usul Fiqah (terjemahan Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh). Selangor: Pustaka Al-Ehsan.
- Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 1999. Huraian Ayat-Ayat Hukum 1. Kuala Lumpur : Pustaka
- Al-Qaradhwai, Yusuf. 2009. Fiqh Keutamaan (terjemahanFiqh al-Awlawiyyat). Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Al-Quran Al-Karim. 2000. DVD RAM Version 7.10 m. Egypt : Harf Information Technology.
- Al-Quran: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Al-Zuhaily,Wahbah. 1999. Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. Transformasi Fikah Semasa. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2012 Maqasid Al-Syari'ah: Satu Pengenalan dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz, Maqasid Al-Syari'ah. Selangor: Penerbit UIAM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd. Fuad Sawari. 2012. Maqasid Al-Syari'ah Dalam Perlaksanaan Waqaf dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz, Maqasid Al-Syari'ah. Selangor: Penerbit UIAM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohamad Ismail Mohd Yunus. 2011. Maqasid Al-Syari'ah, Kursus Sarjana Pengajian Islam. Open University Malaysia (OUM).